



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PEMASANGAN SISTEM
SOLAR PV MELALUI PROGRAM SUPPLY
AGREEMENT OF RENEWABLE ENERGY (SARE)
ANTARA MBSP, TNB DAN GSPARX

TARIKH / MASA / TEMPAT

7 OGOS 2020 (JUMAAT)
8.55 PAGI

KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK
BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan
Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Puan Chong Eng

ADUN Padang Lalang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Datuk Haji Baderul Sham B Saad

Head Corporate Communication

Tenaga Nasional Berhad

Yang Dihormati Encik Elmie Fairul Mahsuri

Managing Director GSPARX Sdn Bhd

Yang Dihormati Encik Lim Chi Haur

Managing Director BSL ECO

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Wakil-wakil daripada Tenaga Nasional Berhad, GSPARX Sdn Bhd dan
BSL ECO**

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Pemasangan Sistem Solar PV Melalui Program Supply Agreement Of Renewable Energy (SARE) antara MBSP, TNB dan GSPARX di Kompleks Sukan Jalan Betek . Jangan lupa tuan-tuan dan puan-puan untuk mematuhi SOP penjarakan sosial dan memakai pelitup muka untuk mengelakkan penularan wabak pandemik Covid 19 ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh dan YB Puan Chong Eng kerana tidak jemu-jemu menyokong program-program di Seberang Perai yang dianjurkan oleh MBSP. Kerjasama yang tidak berbelah bahagi yang kita terima daripada mereka. Terima kasih YB. Selain itu, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Tenaga Nasional Berhad dan GSPARX Sdn Bhd di atas kerjasama ini dalam merealisasikan impian MBSP ke arah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Hala tuju MBSP adalah jelas untuk menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Selain itu, MBSP juga menetapkan sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun daripada Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*. Dengan azam baru mahu menjadikan Seberang Perai lebih inklusif, lebih berdaya tahan, hijau, kompetitif dan bandar pintar yang dipacu oleh teknologi, MBSP menyusun pelbagai program dan juga KPI yang perlu supaya hasrat ini tercapai.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada 17 Mei 2019 yang lalu, MBSP telah muncul sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama dalam negara yang menandatangani Memorandum Perjanjian (MoU) bagi pelaksanaan *Supply Agreement Renewable Energy (SARE)* bagi pengurangan karbon melalui penggunaan tenaga solar.

Sejajar dengan itu, MBSP bersama-sama dengan TNB dan GSPARX telah menjalankan beberapa ujian kedayahidupan bagi melaksanakan penggunaan tenaga boleh dibaharui (TBB) di bangunan-bangunan MBSP. Tiga (3) bangunan MBSP telah berjaya dipilih iaitu Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek dan Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek.

Pemasangan fotovoltaiik (PV) solar juga akan membolehkan MBSP menjual lebih tenaga solar kepada TNB dan mendapat kredit tenaga bagi asas 'satu-bagi-satu' bagi mengurangkan lagi bilnya menerusi skim Net Energy Metering (NEM).

MBSP tidak perlu mengeluarkan sebarang kos awalan untuk pemasangan sistem solar di bangunan yang telah dipilih. Tenaga solar yang dijana akan menggantikan tenaga konvensional dimana MBSP dapat menikmati penjimatan bil melalui tarif yang lebih rendah dan tetap sepanjang tempoh perjanjian. Melalui konsep ini juga pengguna dapat menikmati kadar bayaran bil elektrik yang lebih rendah yang mana kadar yang ditawarkan adalah rendah dan tetap sepanjang tempoh kontrak tersebut.

Tenaga solar ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembiayaan elektrik bagi ketiga-tiga bangunan tersebut. Di Pejabat

Cawangan MBSP Jalan Betek, anggaran penjimatan tahunan ialah sebanyak RM15,400.00, di Kompleks Sukan Jalan Betek ialah sebanyak RM10,636.00 dan di Kompleks Sukan Bertam ialah sebanyak RM16,473.00.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Usaha MBSP ke arah *Low Carbon City* melalui Strategi *Low Emission Building* menyokong penuh Dasar *Penang2030 Strategic Initiative* iaitu Tema D: *Invest in the built environment to improve resilience*. Strategi yang digunakan adalah melalui:-

1. Penggunaan dana MBSP membiayai projek-projek *Low Carbon City*.
2. Melalui *Corporate Social Responsibility (CSR)* dengan kerjasama pelbagai agensi swasta dan badan perniagaan.
3. *Private Funding Initiatives (PFI)* yang merupakan pelaburan dibuat oleh syarikat-syarikat swasta, manakala MBSP membayar pengguna tenaga mengikut tariff yang dipersetujui.

Tenaga solar dihasilkan daripada radiasi cahaya matahari yang boleh dimanfaatkan dengan pemasangan panel solar. Tenaga solar kini telah terbukti menjadi sangat berguna, tidak hanya untuk alam sekitar tetapi juga dari segi perbelanjaan. Dengan permintaan yang meningkat naik, teknologi telah ditambah baik dengan ketara dan menjadikannya sumber tenaga yang bersih dan berkesan.

Antara kebaikan penggunaan tenaga solar adalah:

- i. Ianya merupakan tenaga yang boleh diperbaharui.
- ii. Mengurangkan bil elektrik
- iii. Tenaga solar boleh digunakan untuk pelbagai tujuan.
- iv. Kos penyelenggaraan yang rendah.
- v. Teknologi dan industri tenaga solar sentiasa berkembang maju.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Oleh itu, di antara kawasan-kawasan di Seberang Perai yang telah dipasang sistem solar adalah:-

1. Pemasangan di atas bumbung parking motosikal pekerja Menara Bandaraya MBSP di mana sebanyak 220 unit panel solar berkapasiti 265Wp/panel dipasang. *Annual Solar energy yield* adalah 79.93Mwh dan anggaran penjimatan adalah RM26,829.63 setahun bagi tempoh selama 25 tahun. ROI adalah 10 tahun 8 bulan. Kos projek adalah RM300k dan tempoh projek adalah 14 minggu (15 September 2017 – 22 Disember 2017).
2. Pemasangan tenaga solar di komuniti Permatang Nibong 4.15 kw yang membekalkan tenaga untuk bengkel jahitan.
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit di mana Syarikat Jinko Solar menyumbangkan hadiah panel solar yang berkapasiti empat (4) kilowatt, manakala Pekat Solar pula akan menaja kos pemasangan panel solar ini. Panel solar ini menjimatkan kos sebanyak RM2,443.00 setahun dalam net energy metering dengan menjana 4,800 kWh.
4. Solar farm di Pulau Burung di tanah milik Sime Darby. Syarikat yang menguruskannya adalah JV PLB Green Solar Sdn. Bhd. (pemilikan PLBT - 60% dan JV Greenviro - 40%). 23MW kos

pelaburan RM 105 juta di bawah program LSSPV (Large Scale Solar Farm Photovoltaic) Suruhanjaya Tenaga. PPA (Power Purchase Agreement) dengan TNB pada kadar RM 0.408 per kwh selama 21 tahun. Mula COD (Commission Operation Date) pada 1hb Disember 2018.

5. Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh (Hadiah sebagai Pemenang Anugerah Sekolah Hijau Tahun 2019 yang ditaja oleh Syarikat Jinko Solar dan Pekat Solar).

6. Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Butterworth (Hadiah sebagai Pemenang Anugerah Sekolah Hijau Tahun 2020 yang ditaja oleh Syarikat Jinko Solar dan Pekat Solar).

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Di samping itu, penggunaan tenaga solar oleh MBSP mengorak langkah ke arah mencapai matlamat Bandaraya Rendah Karbon melalui penggunaan lampu penjimatan tenaga LED:

1. Pada tahun 2016, MBSP telah mewujudkan Garis Panduan Pemasangan Lampu di Seberang Perai. Melalui garis panduan ini, semua skim pembangunan baru adalah digalakkan untuk

memasang lampu jalan jenis LED. Pada tahun 2018, MBSP telah mewajibkan supaya semua lampu jalan yang dipasang dan akan diserahkan kepada MBSP memasang lampu jalan jenis LED.

2. Sehingga Julai 2020, jumlah keseluruhan lampu jalan LED di Seberang Perai di bawah penyelenggaraan MBSP adalah sebanyak 1849 unit.
3. Pada tahun 2020, MBSP akan melaksanakan projek Fasa 2 penggantian 14,000 unit lampu jalan HPSV milik MBSP kepada lampu jalan jenis LED. Kerja –kerja penggantian dijangka bermula pada Disember 2020.
4. Pada 17 Julai 2019, MBSP telah memohon kepada pihak TNB untuk melaksanakan penggantian lampu jalan jenis HPSV kepada lampu jalan jenis LED di kawasan Seberang Perai. Lanjutan daripada itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui program Incentive Base Regulation (IBR) telah bersetuju untuk melaksanakan penggantian sebanyak 22,200 lampu jalan TNB jenis HPSV kepada jenis LED. Kerja-kerja penggantian ini bermula pada September 2019 dan dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun 2020. Sehingga Julai 2020, sebanyak 18,565 unit lampu jalan jenis HPSV telah ditukar kepada lampu jalan jenis LED di Seberang Perai.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada bukan sahaja daripada penduduk Seberang Perai malah organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa Smart Partnership, saya yakin hasrat untuk mencapai *Low Carbon City* pada tahun 2022 adalah sukar untuk dicapai. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon. MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat Penang 2030 dan Sustainable Development Goals 17. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai **Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.**

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.